



**KENYATAAN TAWARAN BOLEH MENGURUSKAN SEWAAN RUANG PERNIAGAAN
BAGI PENJUALAN MAKANAN, MINUMAN DAN MERCHANDISE
DI CONCOURSE AREA STADIUM NASIONAL KUALA LUMPUR SPORTS CITY
SEMASA ACARA PERLAWANAN AFF MITSUBISHI CUP 2024**

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) mempelawa mana – mana syarikat yang boleh menguruskan sewaan ruang perniagaan bagi penjualan makanan & minuman dan merchandise yang berkompeten, berpengalaman, berkeelayakan dan berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)** di *Concourse Area* Stadium Nasional Kuala Lumpur Sports City semasa acara Perlawanan AFF Mitsubishi Cup 2024.

BUTIRAN TAWARAN

Pelawaan Memasuki Tawaran Bagi Menguruskan Sewaan Ruang Perniagaan Bagi Penjualan Makanan & Minuman Dan Merchandise *Concourse Area* Stadium Nasional Kuala Lumpur Sports City Semasa Acara Perlawanan AFF Mitsubishi Cup 2024.

TUJUAN TAWARAN

- a) PSM berhasrat untuk membuka tawaran bagi syarikat menguruskan sewaan ruang perniagaan perkhidmatan makanan dan minuman & yang selesa kepada pelanggan yang hadir.
- b) Menguruskan operasi perniagaan dengan baik dan teratur mengikut pelan perancangan semasa acara meliputi zon yang dicadangkan oleh PSM adalah seperti berikut :-
 - Concourse Area, Level 3 (*Foodtruck & Kiosk*)
 - Concourse Area, Level 4 (Meja Sahaja)
- c) Segala kos operasi, kebersihan dan keselamatan adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat.

SYARAT – SYARAT TAWARAN

- a) Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen berkaitan seperti Sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 1965 (sekiranya ada).
- b) Syarikat perlu menyediakan surat permohonan rasmi, profail syarikat, pengalaman setaraf dan lain – lain keperluan seperti di dalam senarai semak.
- c) Syarikat perlu mengemukakan penyata bank terkini untuk tiga (3) bulan.
- d) Syarikat perlu mengisi harga tawaran di **Lampiran B**.

KEPERLUAN DOKUMEN

- a) Surat permohonan syarikat
- b) Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)
- c) Profail syarikat termasuk pengalaman setaraf
- d) Penyata bank terkini untuk 3 bulan iaitu (Ogos, September, dan Oktober 2024)
- e) Harga tawaran syarikat

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI & EMEL KEPERLUAN DOKUMEN

- 1) Mohammad Khairul Ilman bin Mohd Mokhlis (011 – 5555 2949)
khairul_ilmann@stadium.gov.my
 - Iklan tawaran ini juga boleh dilihat di pautan www.stadium.gov.my
 - Tawaran ini hanya dibuka sebelum atau pada **25 November 2024 (Isnin) jam 12:00 Tengahari**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN MENGURUSKAN SEWAAN RUANG PERNIAGAAN
BAGI PENJUALAN MAKANAN, MINUMAN DAN MERCHANDISE DI
CONCOURSE AREA STADIUM NASIONAL KUALA LUMPUR SPORTS CITY
SEMASA ACARA PERLAWANAN AFF MITSUBISHI CUP 2024**

Tempoh penyewaan :

| | |
|---------------------|--------------------------------|
| Tarikh persiapan | 10 Disember 2024 (Selasa) |
| Tarikh acara | 11 Disember 2024 (Rabu) |
| Tarikh pemunggahan | 12 Disember 2024 (Khamis) |

| | |
|---------------------|----------------------------------|
| Tarikh persiapan | 19 Disember 2024 (Khamis) |
| Tarikh acara | 20 Disember 2024 (Jumaat) |
| Tarikh pemunggahan | 21 Disember 2024 (Sabtu) |

| BIL | PERKARA | TANDAKAN (/) ATAU (X) |
|-----|---|--|
| 1 | Surat Permohonan Syarikat (Dokumen Wajib) | |
| 2 | Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada) (Dokumen Wajib) | |
| 3 | Profail Syarikat (Dokumen Wajib) | |
| 4 | Pengalaman Setaraf (Sila kemukakan bukti dan salinan surat tawaran atau lain – lain bukti yang bersesuaian) (Dokumen Wajib) | |
| 5 | Cadangan susun atur, konsep, kakitangan bertugas (Dokumen Wajib) | |
| 6 | Penyata Bank Terkini Untuk tiga (3) Bulan iaitu (Ogos, September, dan Oktober 2024) (Dokumen Wajib) | <input type="checkbox"/> Ogos 2024 <input type="checkbox"/> September 2024 <input type="checkbox"/> Oktober 2024 |
| 7 | Harga Tawaran Syarikat (Dokumen Wajib) | |

**TERMA DAN SYARAT MENGURUSKAN SEWAAN RUANG PERNIAGAAN
BAGI PENJUALAN MAKANAN, MINUMAN DAN MERCHANDISE DI
CONCOURSE AREA STADIUM NASIONAL KUALA LUMPUR SPORTS CITY
SEMASA ACARA PERLAWANAN AFF MITSUBISHI CUP 2024**

1. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- a) Menjelaskan bayaran selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum acara;
- b) Menyediakan dua (2) tapak bagi Kelab MyStadium di kawasan yang telah ditetapkan oleh PSM.
- c) Menguruskan operasi perniagaan dengan baik dan teratur mengikut pelan perancangan semasa acara meliputi zon yang ditetapkan oleh PSM.
- d) Memastikan peniaga memasak di dalam foodtruck dan jika di luar wajib melapik tempat memasak tersebut bagi Level 3 *Concourse Area*, Stadium Nasional.
- e) Kebersihan
 - i. Perlu memastikan peniaga menitikberatkan kebersihan sepanjang masa;
 - ii. Perlu menyediakan pekerja kebersihan minimum dengan kiraan satu (1) petugas kebersihan untuk dua (2) tapak perniagaan bagi menampung kawasan diberikan dan mestilah mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan;
 - iii. Perlu menyediakan kuantiti tong sampah dan tong roro yang mencukupi (minimum tiga dengan kapasiti tiga (3) tan setiap satu) dan mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan;
 - iv. Dilarang membuang sisa makanan dan minuman dalam tandas, kawasan tanaman dan longkang-longkang di sekitar Stadium Nasional;
 - v. Memastikan peniaga melapik genset dengan menggunakan *plywood* atau yang bersesuaian yang melebihi saiz genset; dan
 - vi. Kebersihan kawasan sekitar semasa dan selepas acara adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya.

- vii. Pihak Syarikat hendaklah memastikan persekitaran kawasan adalah bersih sebelum jam 7.00 malam, sehari selepas hari acara. Sekiranya gagal, pihak Perbadanan berhak untuk memotong kos pembersihan atau bayaran akan dituntut kepada syarikat sekiranya nilai pembersihan melebihi nilai deposit sekuriti serta memotong deposit sekuriti sebagai denda sebanyak RM200.00 sehari sehingga selesai kerja-kerja pembersihan.

f) Keselamatan

- i. Perlu menyediakan anggota keselamatan yang mencukupi dengan minimum 15 orang pekerja dan mestilah mendapat pengesahan dari pihak Perbadanan;
- ii. Pihak syarikat bertanggungjawab sekiranya terdapat penjaja haram yang berkeliaran di luar Zon yang dibenarkan. Sila pastikan semua penjaja berada di Zon yang ditetapkan. Deposit sekuriti sebanyak RM1,000.00 sehari akan ditolak sekiranya perkara ini tidak dipatuhi oleh petender; dan
- iii. Syarikat perlu memastikan tiada sebarang kenderaan diletakkan di Zon yang dibenarkan tersebut.

g) Memastikan semua peniaga mematuhi dan mempunyai perkara-perkara berikut :

- i. Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM);
- ii. Lesen Penjaja dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
- iii. Lesen GDL (untuk pemanduan);
- iv. Sijil PUSPAKOM;
- v. Geran Lori;
- vi. Sijil Kursus Pengendalian Makanan; dan
- vii. Buku suntikan Typhoid.

h) Memastikan barang-barang/ makanan dijual adalah bukan barangan yang terlarang.

i) Tambahan dua (2) meja sahaja dibenarkan semasa aktiviti jualan.

j) Sebarang kerosakan yang berlaku adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat sepenuhnya dan sekiranya berlaku, akan dipotong melalui deposit sekuriti bagi sebarang kos pembaikan tersebut atau bayaran akan dituntut kepada syarikat sekiranya nilai kerosakan melebihi nilai deposit sekuriti.

k) Genset hendaklah diletakkan di luar kawasan berbumbung dan berhampiran pagar perimeter Stadium Nasional dan perlu dilapik melebihi saiz genset.

l) Syarikat perlu memastikan setiap foodtruck menyediakan peralatan keselamatan seperti **“fire extinguisher”**.

- m) Syarikat mestilah sediakan sekuriti untuk memantau kenderaan masuk ke dalam stadium.
- n) Pihak pengurusan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) berhak untuk **MEMBATALKAN KONTRAK / MEMBUAT PEMOTONGAN DEPOSIT BAYARAN** syarikat yang berjaya di dalam sebut harga ini sekiranya berlaku perkara-perkara seperti berikut:

| BIL | PERKARA | RM/ KOS |
|-----|---|---|
| 1. | Penjaja haram yang tidak terkawal di kawasan yang tidak dibenarkan. | RM1,000.00 / sehari |
| 2. | Sampah sarap | akan disahkan berdasarkan nilai yang ditanggung oleh PSM. |
| 3. | Kerosakan | bergantung kepada jenis kerosakan. |
| 4. | Meletak kenderaan di dalam zon | RM200.00 / kenderaan |

- o) Inisiatif “**Go Green**” adalah amat digalakkan, contoh inisiatif adalah seperti berikut:
- i. Tidak menggunakan plastik atau penyedut minuman (*straw*) dan bekas makanan polisterine semasa penjualan;
 - ii. PSM menggalakkan penggunaan pembungkus makanan atau minuman jenis *bio – degradabile* atau *microwaveable*;
 - iii. Peniaga digalakkan mengamalkan pengasingan sisa makanan dan sisa kitar semula; dan
 - iv. Peniaga digalakkan untuk melaksanakan kitar semula minyak masak terpakai.
- p) Penggunaan ais hanya boleh menggunakan ATLAS yang dikendalikan oleh kelab My – Stadium PSM. Sila berurusan dengan pembekal ais iaitu **Encik Joving** di talian **011-2793 2070** atau berurusan terus dengan wakil Kelab MyStadium **Puan Norza** di talian **012-379 3040**.
- q) PSM berhak menyenarai hitamkan mana – mana syarikat yang gagal mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan. Penilaian prestasi syarikat di buat setiap kali selepas penyewaan.

2. PENILAIAN DAN SETUJU TERIMA TAWARAN

a) Syarikat perlu memenuhi syarat-syarat tawaran seperti berikut;

- i. Surat permohonan syarikat;
- ii. Salinan SSM dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada);
- iii. Profail syarikat termasuk perkara-perkara berikut:
 - Maklumat Profail Syarikat
 - Pengalaman Setaraf (Sila kemukakan bukti dan salinan surat tawaran atau lain-lain bukti yang bersesuaian)
 - Cadangan susun atur, konsep, kakitangan bertugas termasuk kebersihan dan sekuriti
- iv. Penyata bank terkini untuk tiga (3) bulan iaitu (Ogos, September dan Oktober 2024); dan
- v. Harga tawaran syarikat.

b) Pihak syarikat perlu menandatangani surat tawaran dan menjelaskan bayaran sewaan seperti yang ditawarkan termasuk bayaran deposit sekuriti sebanyak **50%** dari jumlah tawaran selewatnya-lewatnya tiga (3) hari sebelum acara.

3. PEMBAYARAN SEWAAN & DEPOSIT SEKURITI

Penyewa perlu membayar deposit sebelum penyerahan tapak dilakukan.

Dengan ini saya bersetuju dengan terma dan syarat bagi menguruskan sewaan ruang perniagaan bagi penjualam makanan, minuman dan merchandise di *Concourse Area* Stadium Nasional Kuala Lumpur Sports City semasa acara Perlawanan AFF Mitsubishi Cup 2024.

Persetujuan Syarikat : Tandatangan saksi :

Nama : Nama :
No KP : No KP :
Cop syarikat :

JADUAL TAWARAN HARGA

**PELANTIKAN SYARIKAT BAGI MENGURUSKAN SEWAAN RUANG PERNIAGAAN
BAGI PENJUALAN MAKANAN, MINUMAN DAN MERCHANDISE DI
CONCOURSE AREA STADIUM NASIONAL KUALA LUMPUR SPORTS CITY
SEMASA ACARA PERLAWANAN AFF MITSUBISHI CUP 2024**

| Bil | TARIKH PERLAWANAN | JADUAL PERLAWANAN | HARGA MINIMUM PSM (RM) | HARGA TAWARAN SYARIKAT (RM) |
|---|------------------------------|--|-------------------------------|------------------------------------|
| 1. | 11 Disember 2024 (Rabu) | Perlawanan AFF Mitsubishi Cup 2024 (Malaysia VS Timor-Leste) | 5,000.00 | |
| 2. | 20 Disember 2024 (Jumaat) | Perlawanan AFF Mitsubishi Cup 2024 (Malaysia VS Singapura) | 7,000.00 | |
| JUMLAH KESELURUHAN (RM) | | | | |
| JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN DALAM PERKATAAN: RINGGIT MALAYSIA | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

Caj lot tambahan : **RM** _____ **(per lot)**

(sekiranya terdapat pertambahan luar daripada zon yang telah ditetapkan oleh PSM dan PSM mengenakan caj bayaran mengikut tawaran syarikat yang akan dikira semasa acara)

Persetujuan :
Syarikat

Tandatangan saksi :

Nama :
No KP :
Cop syarikat :

Nama :
No KP :